

Petronas tingkat kerjasama di Russia

BH: Khamis 21/6/2007

PETRONAS sedang berunding dengan dua syarikat minyak Russia, Rosneft dan Gazprom OAO, berhubung kemungkinan menjalin pakatan untuk melaksanakan projek minyak dan gas yang dijangka membabitkan pelaburan besar di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, sudah mengadakan beberapa perbincangan dengan pemimpin syarikat milik Kerajaan Russia itu.

"Mereka sudah bertemu dan berbincang, tetapi saya tidak dapat memberikan maklumat lanjut kerana ia masih pada peringkat awal," katanya pada sidang akhbar di akhir lawatan rasmi tiga harinya ke Russia, di sini, semalam.

Beliau berkata, dengan pengalaman luas dimiliki Petronas dan kesediaan kedua-dua syarikat berkenaan menjalin kerjasama dengan syarikat minyak kebangsaan itu, sudah tentu projek terbabit akan mendedahkan hasil lumayan.

Petronas mempunyai potensi besar dalam bidang gas asli cecair (LNG) dan kepakaran meluas dalam sektor gas kepada cecair (GTL) iaitu teknologi untuk memproses gas cecair, selain kemahiran cari gali di laut dalam.

Sebelum ini, Petronas sudah membeli kepentingan ekuiti dalam Rosneft membabitkan pelaburan berjumlah AS\$1.1 bilion, selaras hasrat dan strateginya untuk muncul peserta global dalam industri minyak dan gas.

Malah, Mohd Hassan dilaporkan tidak menolak kemungkinan Petronas menambah pelaburan dalam syarikat itu jika diberi peluang untuk berbuat demikian. Perniagaan antarabangsa Petronas kini merangkumi 38 peratus operasinya, tetapi menyumbang 78 peratus pendapatan.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah juga berpuas hati dengan hasil temuannya dengan Presiden Vladi-



TERUS DIHARGAI: Abdullah menerima anugerah kehormat Doktor Honoris Causa dari Moscow State Institute of International Relation, semalam.

mir Putin dan rakan sejawatnya, Mikhail Fradkov, selain beberapa persetujuan yang dicapai di kalangan usahawan kedua-dua negara.

Terdahulu, ketika berucap pada majlis makan tengah hari sempena Forum Perniagaan Malaysia-Russia, beliau menyarankan usahawan Malaysia meneroka peluang bagi meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara melalui usaha sama dengan syarikat Russia.

"Selain meningkatkan perdag-

angan dua hala antara kedua-dua negara, saya juga mahu supaya peniaga Malaysia melihat Russia sebagai hub penting dalam usaha menembusi pasaran di negara Eropah Timur.

Sementara itu, ketika berucap pada perjumpaan dengan pelajar Malaysia di Russia malam semalam, Abdullah berkata rakyat Malaysia tidak mempunyai pilihan kecuali menjadi yang terbaik dalam penguasaan ilmu dan kemahiran selaras usaha menjadikan Malaysia negara maju.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan bagi melahirkan lebih ramai rakyat yang berbakat untuk melaksanakan tugas yang semakin mencabar berikutan perkembangan teknologi baru.

Lebih 2,000 pelajar Malaysia sedang melanjutkan pelajaran di beberapa universiti di negara ini dengan sebahagian besarnya mengikuti kursus perubatan.

AFP